

11/08/1999

20 pasangan bersanding serentak

KUALA LUMPUR, Selasa - Persandingan 20 pasangan pengantin pelbagai kaum akan diadakan serentak sebagai acara pembukaan Pesta Malaysia '99 yang akan berlansung 11 September ini.

Acara yang julung kali diadakan itu akan berlansung selepas Pesta Malaysia '99 dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Stadium Putra, Kompleks Sukan Negara (KSN), Bukit Jalil di sini.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berkata konsep persandingan beramai-ramai itu akan mengetengahkan adat istiadat perkahwinan pelbagai kaum dan budaya masyarakat negara ini.

Beliau berkata, pengantin dari pelbagai negeri dan kaum itu akan diarak iringan persembahan kesenian negeri masing-masing, persembahan artis tempatan dan diakhiri dengan acara memotong pulut kuning terpanjang.

"Majlis persandingan itu bertujuan mempamerkan kepada dunia mengenai kepelbagaian kebudayaan, pakaian dan muzik perkahwinan negara kita," katanya pada sidang akhbar Pesta Malaysia '99 di Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) di sini, hari ini. Turut hadir, Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Teng Gaik Kwan dan Timbalan Pengerusi LPPM, Datuk Hanafi Ramli.

Selain itu, Abdul Kadir berkata, pelbagai acara menarik turut diadakan termasuk demonstrasi masakan oleh artis tempatan dan pertandingan muzik tahun 60-an di KSN.

Di Pasar Budaya pula, persembahan seniman jalanan diadakan selama empat hari bermula 11 September, persembahan wayang kulit (21 hingga 25 September) dan malam mengemping (15 hingga 20 September).

Di samping itu, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia menganjurkan Fiesta Seni di Kompleks Budaya Karf di Jalan Conlay, dari 11 hingga 25 September.

Malaysia Airport Berhad (MAB) pula mengadakan persembahan kesenian negeri pada 11, 17, 18 dan 24 September di Terminal Utama Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang sebagai menyambut kedatangan pelancong asing.

Abdul Kadir berkata, kegiatan Eksposisi Pelancongan Domestik juga akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra berkonsepkan 'Malaysia Destinasi', dari 17 hingga 19 September.

"Eksposisi itu bukan saja mempamerkan kegiatan pelancongan domestik tetapi menyediakan penjualan pakej pelancongan dengan harga berpatutan. Malah, saya berharap orang ramai dapat merebut peluang ini untuk melancong bersama keluarga secara terancang.

"Di samping itu, Pelangi Airways Malaysia memberi potongan harga sehingga 25 peratus sempena Pesta Malaysia '99.

"Selain itu, sebanyak 20 hotel terbesar di ibu kota sudah menyatakan persetujuan untuk menyertai pesta ini secara besar-besaran, malah mereka turut menyediakan potongan istimewa kepada pelanggan berdasarkan jenis hotel," katanya.

Beliau berkata, hotel di negeri lain turut bersama menyertai Pesta Malaysia kali ini walaupun ia lebih tertumpu di kawasan Lembah Klang.

(END)